

Tip memilih kerja

SAUDARA PENGARANG,

PASARAN kerja kini lebih bersifat dinamik ekoran perubahan pesat dalam penggunaan teknologi terkini serta kepelbagaian keperluan oleh majikan. Keadaan ini telah menimbulkan pelbagai isu dalam pasaran kerja dan dirumitkan lagi oleh prestasi ekonomi negara semasa yang kian meruncing.

Penciptaan peluang pekerjaan baharu yang perlahan dilihat tidak senada dengan limpahan graduan dalam pasaran kerja. Keadaan ini telah mewujudkan persaingan dalam kalangan graduan selain berhadapan dengan masalah pengangguran,

Malah ada di antara mereka yang terpaksa menerima apa sahaja tawaran yang diberikan oleh majikan. Para graduan sepatutnya telah menetapkan matlamat tentang kursus dan kerjaya yang diidamkan supaya mereka mempunyai hala tuju dalam hidup dan tidaklah seperti 'layang-layang terputus tali'.

Menurut Prof. Madya Dr. Mohd. Yahya Pensyarah Universiti Malaya (2008) kerjaya adalah satu pekerjaan yang perlu diwujudkan dalam kehidupan seseorang dan jika tidak selaras dengan kemahuan diri, kita perlu bijak mencari peluang lain bagi memenuhi kehendak masing-masing.

Memilih kerjaya selepas tamat alam pembelajaran bukanlah sesuatu yang mudah bahkan tidak semua kerjaya yang kita idamkan akan diperolehi, lebih-lebih lagi jumlah graduan ketika ini yang diibaratkan sebagai 'cendawan tumbuh selepas hujan'.

Memang tidak dapat dinafikan, terdapat ilmu yang kita pelajari di alam persekolahan mahupun universiti tidak diaplikasikan di dalam dunia pekerjaan. Pengalaman saya sendiri apabila melangkah ke alam pekerjaan, hampir 60 peratus perkara yang saya pelajari tidaklah diaplikasikan dalam alam pekerjaan malah setiap hari adalah detik baharu bagi saya.

Senario ini juga menyebabkan ramai graduan yang tidak dapat menyerlahkan diri secara sepenuhnya dalam alam pekerjaan. Aspek utama yang diperlukan ketika proses mencari pekerjaan adalah mengenali potensi diri sendiri melalui kaedah bertanya mahupun berjumpa dengan orang yang lebih tua serta berpengalaman.

Kaedah ini boleh membantu kita memilih kerjaya yang betul terutama dalam usaha mendapatkan maklumat yang



MEMILIH kerjaya selepas tamat alam pembelajaran bukanlah sesuatu yang mudah bahkan tidak semua kerjaya yang kita idamkan akan diperolehi. - GAMBAR HIASAN

tepat dan sesuai. Cuba dapatkan juga maklumat tentang langkah-langkah awal untuk mendapatkan kerjaya seajar dengan kehendak diri sendiri.

Memilih kerjaya berdasarkan pengetahuan juga merupakan salah satu perkara penting yang perlu dititikberatkan dalam memilih kerjaya. Pemilihan kerjaya berdasarkan pengetahuan dan ilmu yang dimiliki oleh seseorang dapat meningkatkan taraf pemikiran seseorang.

Malah terdapat juga individu yang melakukan kerjaya sampingan untuk memenuhi kepuasan diri. Dengan cara ini, seseorang itu akan berusaha dengan gigih lagi untuk mempelajari perkara baharu.

Jika anda seorang yang gemar untuk belajar sesuatu yang baharu, apa salahnya bukan? Memilih kerjaya berdasarkan pengetahuan adalah memilih kerjaya yang ada kaitan dengan apa yang kamu pelajari di sekolah mahupun melalui adaptasi persekitaran.

Minat juga penting dalam menentukan tahap kejayaan seseorang dalam sesuatu bidang tersebut. Untuk menambah kebolehan pasaran, seseorang perlulah berusaha melengkapi diri dengan ilmu dan kemahiran tambahan selain yang pernah ditimba di bilik kuliah. Ini akan menjadi nilai tambah yang sangat berguna.

Pastinya anda akan sedaya upaya melakukan yang terbaik. Apabila anda telah berhasil dalam melakukan sesuatu yang anda suka dan hasilnya sudah pasti yang terbaik!

Kita dapat menyaksikan minat merupakan faktor paling dominan yang mempengaruhi seseorang dalam pemilihan kerjaya mereka. Dalam konteks ini, minat juga akan menyebabkan seseorang berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mencapai cita-cita.

Sikap kesungguhan ini dapat digambarkan melalui peribahasa 'di mana ada kemahuan, di situ ada jalan'. Yakinlah, seseorang yang mempunyai minat akan berusaha bersungguh-sungguh untuk memastikan kerjaya yang diidamkan menjadi kenyataan.

Sesungguhnya, setiap manusia sudah pasti mempunyai idola yang ingin dicontohi sebelum mereka menentukan kerjaya masa depan. Kebiasaannya, idola yang dipilih memang dikagumi dan menepati dengan kerjaya yang dipilih.

Misalnya, seseorang yang ingin menjadi seorang tokoh bahasa, mereka boleh menjadikan tokoh yang gah namanya di persada dunia seperti Prof. Emeritus Datuk Dr. Nik Safiah Karim sebagai idolanya. Bukan itu sahaja, segala ketekunan, kegigihan dan kreativiti idola akan dijadikan sebagai teladan dalam menggapai kerjaya idaman mereka.

Sememangnya, idola boleh

mempengaruhi seseorang dalam membina semangat dan motivasi untuk menggapai cita-cita dan bukannya sekadar omong-omong kosong sahaja.

Hadiri ekspo kerjaya! Agensi kerajaan sering bekerjasama dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk mengadakan ekspo-ekspo kerjaya di tempat-tempat tertentu. Pelbagai maklumat berkenaan kerjaya-kerjaya ada dipaparkan, pada masa sama anda berpeluang mengenal pasti bakat terpendam.

Setiap individu mempunyai kebolehan yang tersendiri. Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia dalam era ini sebaik-baiknya setiap individu digalakkan mengasah bakat diri sendiri. Hal ini adalah disebabkan setiap majikan mahukan pekerjaannya yang sempurna dari pelbagai aspek.

Kemahiran berkomunikasi pelbagai bahasa, khususnya kelancaran bahasa Inggeris adalah antara tips untuk mendapatkan pekerjaan yang diinginkan.

Langkah-langkah ini mungkin boleh membantu mana-mana individu mengetahui peluang-peluang kerjaya mereka dengan lebih baik dan seterusnya menyesuaikan diri masing-masing dengan alam pekerjaan secara lebih berkesan.

NUR HAZNISHA ISMAIL
Universiti Putra Malaysia (UPM)